

BELATUK TUKI-TUKI
Buff-necked Woodpecker

FAMILI: Picidae
NAMA SAINTIFIK: *Meiglyptes tukki*



CIRI-CIRI

Spesies ini seakan-akan sama dengan Belatuk Awan (*Meiglyptes tristis*) tetapi ia mempunyai ekor yang lebih panjang dan lebih besar, keseluruhan badan berwarna gelap dan terdapat jalur-jalur melintang di bahagian badan dan juga sayap. Diperhatikan terdapat tompokan kuning kemerahan pudar di bahagian tekak dan garisan merah yang agak panjang di bahagian atas paruh manakala bahagian atas dada berwarna kehitaman. Bagi burung betina, garisan merah di bahagian atas paruh agak tidak kelihatan. Bagi burung juvenil pula, jalu-jalur di bahagian dada agak lebar dan bahagian dada agak lusuh.

SAIZ

Panjang keseluruhan bagi burung dewasa adalah 21.0 sm. 43-64g berat.

MAKANAN

Kumbang, semut, serangga kecil dan buah-buahan.

HABITAT

Habitat yang sesuai ialah di hutan dipterokap dan hutan tanah pamah. Spesies ini boleh dijumpai sehingga ketinggian 1,100 m dari aras laut.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi *kirr-r-r*. Lain-lain bunyi adalah *ti ti ti ti...*, *ki ti ti ti*.

TABIAT

Kebiasaan mencari makan secara sendirian, berpasangan atau kadang-kadang dalam kumpulan-kumpulan kecil.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah dari bulan Februari hingga Julai pada sepanjang tahun. Sarang adalah pada rongga-rongga pada dahan pokok dan ketinggian sarang adalah dari 1.5-5 m dari aras tanah. Burung betina boleh menghasilkan 2 biji telur pada setiap kali ianya bertelur dan telur adalah berwarna putih.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi